

Perbandingan terjemahan manusia dengan terjemahan mesin dalam buku Fitness 24/7

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan mengkaji persamaan yang wujud antara terjemahan manusia dengan terjemahan mesin untuk menterjemahkan teks teknikal. Pendekatan fungsional oleh Christian Nord diaplikasikan dalam penelitian ini. Kaedah analisis teks dijalankan terhadap buku *Fitness 24/7* (2008) yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Kevin Zahri (mewakili terjemahan manusia) menerusi buku *Cergas 24/7* (2008), manakala Google Translate digunakan untuk mewakili terjemahan mesin. Perincian persamaan yang dilihat oleh pengkaji adalah dari aspek pilihan kata, struktur ayat dan makna keseluruhan ayat bagi kedua-dua hasil terjemahan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persamaan yang wujud antara terjemahan manusia dengan terjemahan mesin dalam menterjemahkan teks teknikal adalah rendah, iaitu sebanyak 31.6 peratus. Penterjemahan mesin masih memerlukan tenaga manusia untuk menghasilkan terjemahan yang lebih baik.

Kata kunci: Aspek persamaan; Terjemahan manusia; Terjemahan mesin; Teks teknikal